

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang Akademik 2003/2004

Februari/Mac 2004

HKB 216 – Karya-Karya Terpilih Dari Kesusastraan Eropah dan Amerika

Masa : 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **DUA** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab **EMPAT** soalan: **SATU** soalan dari Bahagian A dan B dan **DUA** soalan dari Bahagian C.

Bahagian A

1. Secara tidak langsung *Istana Impian/ Almayer's Folly*, mengembalikan suara kepada anak negeri yang dibisukan penjajah. Oleh yang demikian novel ini adalah karya pasca-kolonial. Huraikan unsur-unsur pasca-kolonialisme yang anda temui dalam karya Joseph Conrad ini.
2. Dalam *Istana Impian* Joseph Conrad melukiskan pelayarannya di Nusantara. Apakah peranan yang dimainkan watak-watak penting yang mendukung lukisannya tentang keadaan di Kepulauan Melayu di akhir kurun ke-19?

Bahagian B

3. ‘*The Outsider/Orang Terasing*, ialah potret manusia terbuang/terasing, yang harus dihukum kerana tidak mengikut cara dan aturan umum masyarakatnya,’ (Seymour-Smith). Berdasarkan bukti-bukti kukuh, bincangkan pendapat kritikawan ini.
4. Apabila falsafah dijadikan inti sebuah karya sastera maka yang lebih terpancar ialah falsafah itu sendiri, sementara unsur-unsur sastera tercicir jauh ke belakang. Bincangkan pendapat ini dengan merujuk kepada karya-karya yang sesuai.

Bahagian C

5. Eksperimen memperbaharui sastera dan memberikan suara terbaru kepada persoalan universal. Berdasarkan sekurang-kurangnya sebuah karya Eropah dan sebuah karya Amerika, bincang kebenaran pendapat ini.
6. Sastera Eropah dan Amerika membayangkan cara dan jiwanya sendiri. Pada pendapat anda apakah perbezaan penting di antara sastera Eropah dan Amerika? Berikan bukti-bukti yang konkret.
7. Pilih seorang penyair Eropah ATAU Amerika dan huraikan kejayaannya dari sudut persoalan dan alatan puisi yang dibawakannya.